

## **PROFIL, PENGARUH DAN PANDANGAN PELAJAR TERHADAP PJJ, UUM**

**Abdul Halim Abdul Majid dan Noor Asma Jamaluddin**  
**Sekolah Pengurusan/Sekolah Perakaunan**

*Kertas ini membincangkan profil pelajar, faktor-faktor mempengaruhi pemilihan dan menganalisa pandangan mereka terhadap Pendidikan Jarak Jauh (PJJ). Kajian berbentuk deskriptif ini dikendalikan setelah pelbagai reaksi diperhatikan, termasuk antaranya pertambahan bilangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang menawarkan program pengajian secara jarak jauh dan pertambahan permohonan dan pengambilan pelajar dari tahun ke tahun.*

### **PENGENALAN**

PJJ Universiti Utara Malaysia telah ditubuhkan pada 1 April 1996, dibawah Pusat Inovasi Pendidikan (PiP). Bagaimana pun, kini Unit Pendidikan Jarak Jauh (UPJJ) dipertanggungjawabkan untuk berperanan khusus dalam merancang dan menawarkan program-program yang sesuai bersama-sama pihak sekolah yang terbabit. Selain daripada itu unit ini juga bertanggungjawab di dalam merancang program latihan yang lengkap bagi menyediakan tenaga pengajar yang terlatih serta merancang penawaran program yang bersifat futuristik dan dapat memenuhi permintaan dan suasana pasaran semasa.

Dalam usia yang hampir mencécah lima (5) tahun, PJJ di UUM semestinya telah menghadapi pelbagai reaksi dari pelbagai pihak, baik dari dalam maupun dari luar universiti. Statistik jumlah permohonan dan pengambilan dari tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan. Apakah sebab sebenarnya yang mempengaruhi pertambahan ini? Di samping itu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk memilih PJJ yang ditawarkan oleh UUM.

Terdapat beberapa karya terdahulu yang telah menekankan penilaian terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Tinggi (IPT) sama ada dengan

## DAPATAN KAJIAN

Profil responen menunjukkan bahawa 53.2% adalah lelaki, 46.8% wanita; 70.2% berbangsa Melayu, diikuti India sebanyak 12.1% dan Cina, 17.4%. Majoriti responden sudah berumahtangga (57%), bujang (41.9%) dan duda (1.1%). Dari aspek kelayakan akademik tertinggi, STPM (60.9%), Diploma (27.5%) dan SPM (10.5%). Kebanyakan mereka adalah berusia antara 26 hingga 31 tahun (35.2%) diikuti 20 hingga 25 tahun (27.4%) dan 32 hingga 37 tahun (23.1%). Responden yang tinggal di kawasan bandar merupakan golongan majoriti berbanding yang tinggal diluar bandar dengan peratusan 67.9% berbanding 32.1%.

Sementara aspek pendapatan bulanan menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan antara RM 1,001 hingga RM 2,000 adalah golongan yang paling ramai (52.3%) diikuti yang berpendapatan kurang dari RM 1,000 sebulan (34.8%). Kebanyakan responden (43.9%) memilih sektor swasta sebagai sektor pilihan setelah menamatkan pengajian diperingkat ijazah secara PJJ ini. Dari segi pembiayaan pengajian lebih 90% responden membiayai sendiri dan akhirnya bila ditanya mengenai bahasa pengantar pembelajaran hanya 13.5% memilih Bahasa Inggeris sementara 86.5% tetap mengutamakan Bahasa Melayu.

Hasil kajian ini memaparkan bahawa antara faktor-faktor yang mempengaruhi ke atas pemilihan program PJJ di kalangan responden yang terlibat adalah faktor peningkatan status sosial, imej dan promosi, minat, yuran, prospek dan ganjaran, serta produk dan kemudahan. Faktor minat, prospek dan ganjaran serta yuran menduduki tiga faktor teratas yang mempengaruhi pemilihan.

Faktor prospek dan ganjaran memperolehi jumlah skor tertinggi iaitu 3.97, dan diikuti dengan faktor minat dengan jumlah skor min 3.91 dan faktor yang ketiga ialah faktor yuran.

alaf ini. Lantaran itu pengurusan PJJ perlu dipertingkatkan supaya peranan yang penting tersebut dapat dijalankan dengan berkesan. Sokongan teknologi moden, sokongan pihak kerajaan dan bantuan pihak swasta dalam menjayakan hasrat ini amatlah diperlukan supaya benar-benar masyarakat berpeluang mendapatkan pendidikan, menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kefahaman dan hubungan sosial dan seterusnya memungkinkan peningkatan taraf hidup yang lebih terarah.

Adalah diharapkan agar hasil kajian ini dapat membantu semua pihak yang terlibat mengenalpasti profil sasaran pelajar dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan program pengajian secara jarak jauh. Dapatan ini boleh dijadikan garis panduan terutamanya dalam usaha mempromosi, mengenalpasti sasaran dan mempertingkat kualiti modul, pengajaran dan perkhidmatan serta tindakan memposisi program PJJ yang ditawarkan dalam pasaran pendidikan yang semakin kompetitif.

## RUJUKAN

- Abdul Latif Mohamed Al Murist dan Mustafa Mohd Hanefah, (19xx). *Factors influencing the choice of accounting as your career path*, SPK UUM.
- Anne, V. (1991). *An opening learning system for careers guidance*, Open Learning, pp: 59- 64.
- Busby, G., Brunt, P. dan Baber, S., (1997). *Tourism sandwich placements: An appraisal*, Tourism Management, Vol.18, No. 2, pp: 105-110.
- Heather, M. dan Carol M. (Nov 1993). *Professional Courses At A Distance For Reachers Of Children With Special Education Needs*, Open Learning, pp: 105-110.

Jamal Khan dan Mohamad, (1995). *Keberkesanan program BBA: Satu tinjauan dalam industri elektronik dan kemudahan asas*, PPP UUM.

Paul, R. (1985). *Distance education or education at a distance*, Australian Journal of Educational Technology, Vol. 1(2), pp: 14-17

Perraton, H. (1988) *A Theory For Distance Education*, Routledge : New York

Pusat Inovasi Pendidikan, Maklumat Berkala, UUM 1998.

Sherry, L. (1996). *Issues in distance learning*. International Journal of Education Telecommunications, pp: 337-365

Shireen Haron. (Mac 1995). *Meningkatkan lagi golongan berilmu*, Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur, pp: 14-16

Shireen Haron (1995), *PJJ : Penggunaan komputer penting*, Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur.

Oliver, T.W., Que, A.L., Farinacci, C.S. dan Garland B.C., (1996), *Employer preferences for the background of entry level accountants: Degree, certificates, verification, internship and experience*, Journal of Education for Business, Nov/Dec., pp:82-86.

Yee Wah Wong, E., (1996), *The education and training of future information systems professional: An undergraduate programme in Hong Kong*, Education and Training, Vol. 38, No. 1, pp: 37-43.